



## **SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

---

### **PROGRAM IHYA' RAMADAN YAB PERDANA MENTERI BERSAMA WARGA KPKM**

---

**PUTRAJAYA, 5 MAC 2026** – Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Anwar bin Ibrahim hari ini menghadiri Program Ihya' Ramadan anjuran Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang diadakan di Wisma Tani, Putrajaya. Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif KPKM untuk memperkukuh amalan ibadah serta penghayatan nilai kerohanian dalam persekitaran kerja sepanjang bulan Ramadan.

Program dimulakan dengan kehadiran YAB Perdana Menteri ke Mesyuarat bersama Pengurusan Tertinggi KPKM bagi berkongsi hala tuju dan agenda utama Kementerian, selain mendapatkan pandangan serta amanat secara langsung daripada beliau dalam usaha memacu sektor agromakanan negara ke tahap yang lebih cemerlang. Antara perkara yang dibincangkan termasuk isu tatakelola dan tadbir urus sektor agromakanan, pembangunan infrastruktur bagi menyokong program penanaman padi lima (5) musim dalam tempoh dua (2) tahun, status pindaan Akta 632 serta penyertaan UPOV 1991, pelaksanaan Jualan Agro MADANI, dan penganjuran MAHA 2026 dengan tema “Penciptaan Nilai Demi Keterjaminan Makanan”.

Seterusnya, YAB Perdana Menteri menyertai Sesi Tazkirah Ramadan yang disampaikan oleh Sahibus Samahah Tuan Ahmad Fauwaz bin Ali @ Fadzil, Mufti Wilayah Persekutuan, bertajuk “Ramadan Bulan Kesyukuran”. Tazkirah tersebut menekankan bahawa bulan Ramadan merupakan peluang terbaik bagi umat Islam meningkatkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT serta memperkukuh amalan kerohanian.

Sebagai penutup program, YAB Perdana Menteri bersama warga KPKM yang hadir telah menunaikan solat Zuhur secara berjemaah. Kehadiran beliau mencerminkan keprihatinan dalam mengukuhkan ukhuwah, mempererat jalinan persaudaraan serta menyemai kesatuan dalam kalangan penjawat awam, khususnya warga kerja KPKM.

Majlis turut dihadiri oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan; YB Datuk Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan; YBhg. Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara; YBhg. Datuk Seri Isham Ishak, Ketua Setiausaha KPKM; serta pegawai-pegawai kanan KPKM, jabatan dan agensi berkaitan.

**Dikeluarkan oleh:**

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

